

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **SIM TZE TZIN**
KAWASAN : **BAYAN BARU**
TARIKH : **3 OGOS 2017**
NO. SOALAN : **330**

SOALAN

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan senarai jenis kereta yang telah diturunkan harga kereta dan dinaikkan harga berbanding 2013. Nyatakan peratusan harga turun atau harga naik.

JAWAPAN

Harga kereta tidak ditetapkan oleh pihak Kerajaan, sebaliknya ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran (*market forces*) seperti harga komponen CKD yang diimport dan juga yang diperolehi dari pasaran tempatan, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans, kadar faedah pinjaman dan kos-kos lain.

Namun begitu, pelaksanaan Dasar Automotif Nasional (NAP 2014) telah mewujudkan persaingan harga kenderaan yang lebih kompetitif di pasaran tempatan terutamanya melalui pemberian *customised incentive* bagi tujuan pemasangan dan aktiviti nilai tambah bagi menjadikan

Malaysia hab kenderaan cekap tenaga (EEV). Hasil positif dari pelaksanaan NAP2014 sehingga kini, termasuk:

- (a) Sejumlah RM14 bilion pelaburan baharu telah diluluskan. Dari jumlah tersebut, RM7.6 bilion pelaburan telahpun dilaksanakan oleh pelabur tempatan dan asing seperti PERODUA, Honda, Mazda, Subaru, BMW, Mercedes, Volvo dan lain-lain;
- (b) Lebih 80% komponen jenama nasional dan 40% jenama antarabangsa telah berjaya dibekalkan oleh pengeluar komponen tempatan; dan
- (c) 122,915 pekerjaan baharu dijana, dan sejumlah RM11.2 bilion komponen berjaya dieksport pada tahun 2016 ke negara-negara seperti Jepun, Amerika Syarikat, Eropah, Afrika dan Timur Tengah.

Pelaksanaan NAP 2014 turut menyumbang kepada penurunan harga kereta. Ini dapat dilihat melalui penurunan harga kereta sebanyak 14.7% bagi tempoh 2013 hingga 2015. Model-model kereta yang telah diturunkan secara berperingkat termasuk:

Model	Harga 2013	Harga sekarang	Perubahan (%)
Proton Exora 1.6	RM71,162	RM67,800	-4.7
Perodua Alza 1.5	RM59,017	RM52,332	-11.3
Perodua Myvi 1.3	RM54,424	RM43,862	-19.4
Honda Jazz	RM89,900	RM72,510	-19.3
Mazda CX-5	RM140,219	RM131,025	-6.6

Volkswagen Polo	RM152,888	RM77,646	-49.2
Toyota Vios E	RM82,900	RM81,400	-1.8

Walau bagaimanapun, dalam tahun 2016 seterusnya sehingga kini, industri automotif tempatan secara keseluruhannya mengalami penyusutan dengan penurunan jumlah jualan kenderaan daripada 666,677 unit pada tahun 2015, kepada 580,124 pada tahun 2016, iaitu pengurangan sebanyak 13%.

Penyusutan ini disebabkan oleh pelbagai faktor sampingan di luar kawalan Kerajaan seperti ketidaktentuan pasaran (*market volatility*), kejatuhan nilai mata wang Ringgit berbanding matawang asing dan kenaikan harga bahan mentah merencat pertumbuhan mapan industri automotif tempatan. Model-model kereta yang telah dinaikkan harga kerana faktor-faktor tersebut termasuk:

Model	Harga 2013	Harga sekarang	Perubahan (%)
Volkswagen Golf 1.4 TSI	RM148,888	RM150,635	1.2
Toyota Corolla Altis 2.0 V	RM132,020	RM134,900	2.2
Nissan Almera 1.5E	RM66,183	RM68,500	3.5
Mazda 2 1.5 (HB)	RM82,322	RM87,586	6.4

Walaupun kadar tukaran Dolar Amerika Syarikat berbanding Ringgit meningkat sebanyak 40 peratus di antara 2015 dan 2016, kadar kenaikan harga kereta hanya meningkat pada kadar 2.3 peratus pada tahun 2016. Ini adalah kerana para pengeluar kereta telah

meningkatkan aktiviti tambah nilai tempatan dan pemberian *customised incentive* oleh Kerajaan. Ini menjadikan penurunan harga kenderaan secara keseluruhan dari 2013 sehingga akhir tahun 2016 pada kadar 12.6%.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]**

SOALAN :

YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah punca Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) gagal merangka dasar yang efektif untuk agensi pelaksana (frontliner) dalam mengatasi masalah peningkatan kos sara hidup tinggi dan harga barangan yang naik mendadak mutakhir ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi Negara (NTP) lahir daripada Model Ekonomi Baru (MEB) yang telah diperkenalkan pada bulan Mac 2010 dan kini dalam fasa terakhir menjelang Wawasan 2020. Matlamat utama MEB adalah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menekankan kepada tiga dimensi iaitu negara maju berpendapatan tinggi, kemampanan dan keterangkuman yang mengutamakan golongan berpendapatan 40 peratus terendah. Pelaksanaan strategi MEB telah diperincikan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020).

Program Transformasi Negara (NTP) didukung dan dijayakan oleh Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang disasarkan dengan matlamat untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam serta memantapkan institusi awam dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula dirangka untuk mewujudkan sebuah ekonomi yang

mempunyai ciri kepelbagaian dan berdaya tahan agar mampu mendepani lanskap ketidaktentuan ekonomi global.

Antara kejayaan NTP adalah peningkatan pendapatan penduduk luar bandar dan isi rumah berpendapatan rendah, dalam usaha untuk memastikan mereka tidak ketinggalan menikmati pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 yang terkini, kadar pendapatan bulanan purata isi rumah B40 telah meningkat pada 12.0% berbanding isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (isi rumah T20) yang meningkat sebanyak 7.5% bagi tempoh tahun 2009 hingga 2014.

Dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi, Kerajaan sedar akan kesukaran yang dihadapi rakyat dalam berhadapan dengan peningkatan kos sara hidup. Sejak NKRA Cost of Living (COL) diperkenalkan pada tahun 2011, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif yang direka khusus untuk membantu mengurangkan beban kewangan yang dihadapi oleh rakyat, terutamanya golongan B40.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program-program seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan Bantuan Khas Awal

Persekolahan 1Malaysia (BKAP1M) diadakan bagi tujuan menyalurkan bantuan kewangan bersasaran secara langsung dalam jangka masa pendek.

Kerajaan percaya bahawa dengan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan, kebajikan dan kesejahteraan rakyat tetap terpelihara walaupun dalam suasana ekonomi global yang masih kurang menentu.

Hasil usaha dan kejayaan serta cabaran GTP dan ETP boleh didapati di dalam laporan tahunan PEMANDU di laman sesawang <http://www.pemandu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN : 332

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kenapa sesetengah ejen insurans dibenarkan bertapak untuk perniagaan mereka dalam kawasan Jabatan Pengangkutan Jalan cawangan Batu Uban manakala sesetengah ejen insurans yang lama berusaha di situ pula tidak diberi peluang langsung untuk memasuki kawasan tersebut serta ke mana perginya sewa yang telah dikutip daripada ejen-ejen insurans tertentu.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 2015, Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang telah memberi kebenaran kepada 10 syarikat/ejen insurans untuk menjalankan perkhidmatan pembaharuan insurans bermotor kepada orang awam di dalam premis JPJ Cawangan Batu Uban.

Namun bermula pada tahun 2016, JPJ Negeri Pulau Pinang telah mengkaji semula keputusan tersebut. Atas dasar imej dan peraturan keselamatan pejabat, semua syarikat/ejen insurans yang terlibat telah diarahkan untuk beroperasi di luar premis jabatan sahaja. Walau bagaimanapun, setelah mengadakan perbincangan dengan syarikat/ejen insurans tersebut, pihak JPJ Negeri Pulau Pinang telah memutuskan untuk membenarkan syarikat/ejen insurans berkenaan meneruskan perkhidmatan di dalam dan luar premis jabatan sehingga proses mendapatkan kelulusan daripada pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Negeri Pulau Pinang diperolehi. Keputusan ini adalah atas dasar kebajikan agar tidak menjejaskan sumber pendapatan syarikat/ejen insurans berkenaan.

Dalam hal itu juga, pihak Pengurusan JPJ Negeri Pulau Pinang telah memberi peluang kepada semua syarikat/ejen insurans supaya mengadakan rundingan sendiri untuk menentukan syarikat/ejen insurans yang akan beroperasi sama ada di dalam atau di luar premis jabatan memandangkan kawasan JPJ Cawangan Batu Uban yang terhad dan sempit. Hasil rundingan di kalangan syarikat/ejen insurans tersebut,

persetujuan telah dicapai dan jabatan bersetuju dengan budi bicara untuk membenarkan enam syarikat/ejen insurans beroperasi di dalam premis manakala empat syarikat/ejen insurans yang selebihnya akan beroperasi di luar premis jabatan.

Untuk makluman juga, pihak Pengurusan JPJ Negeri Pulau Pinang masih tidak mengenakan bayaran sewa dari syarikat/ejen insurans yang beroperasi memandangkan keputusan masih belum diterima daripada pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Negeri Pulau Pinang.

NO. SOALAN: 333

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

SOALAN : 333

Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa masih tiada sebarang perkembangan pelaksanaan tindakan liabiliti korporat bagi membendung rasuah yang telah dicadangkan sejak 2010 sebagai sebahagian inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Mencegah Rasuah.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Rang Undang-Undang (Pindaan) Akta SPRM 2009 yang turut mengandungi cadangan peruntukan undang-undang baru mengenai liabiliti korporat dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada sesi Oktober 2017.

Sekian, terima kasih